



## Industri pelancongan dan alam sekitar di Port Dickson: Menyorot titik keseimbangan antara permintaan dan penawaran

Mohd. Azlan Abdullah<sup>1</sup>, Noraziah Ali<sup>1</sup>, Rosniza Aznie Che Rose<sup>1</sup>, Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>,  
Azahan Awang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekutuan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd. Azlan Abdullah (email: alit@ukm.my)

### Abstrak

Industri pelancongan bergantung kepada alam sekitar sebagai sumber yang tidak ternilai. Dalam perkembangan dan pembangunan sektor pelancongan di Malaysia, peningkatan jumlah pelancong telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan seperti pengangkutan, penginapan, pemakanan, rekreasi, tandas / persalinan dan sebagainya. Kesemuanya telah membawa perubahan persekitaran yang adakalanya menjelaskan ekosistem kawasan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti saling hubungan industri pelancongan dan persekitaran di Port Dickson. Didapati faktor fizikal, pengurusan oleh MPPD, peniaga / pengusaha dan pelancong sebagai pengguna bertanggung jawab ke atas kualiti pantai Port Dickson. Implikasi tekanan penduduk, sifat pengotor pengujung, peniaga / pengusaha yang mengutamakan keuntungan, kelemahan perancangan dan penguatkuasaan penjagaan alam sekitar mungkin memudaratkan ekosistem pantai jika langkah sesuai tidak diambil. Dalam konteks saling hubungan tersebut produk bernilai yang dinikmati oleh para pelancong seharusnya tidak terjejas bagi memastikan Port Dickson kekal sebagai destinasi pelancongan mapan untuk jangka panjang.

**Katakunci:** daya tampung, ekosistem pantai, industri pelancongan, kemudahan pelancongan, pelancongan mapan, Port Dickson

## Tourism industry and the environment in Port Dickson: Highlighting the equilibrium of demand and supply

### Abstract

The tourism industry relies on the natural environment as its resource base. In the development of Malaysia's tourism the increase of tourist arrivals has also increased the demand for related services such as transportation, accommodation, food, reacreatational facilities, toilet / changing rooms hence so forth. Meeting all these needs has brought about environmental changes which may impact the ecosystems adversely . This study takes a closer look at the interrelationship between tourism industry and the physical environment in Port Dickson. The results showed that physical factors, the local authority (MPPD) management, the business and tourist operators, and the tourist as consumers were all responsible for the quality of the environment prevalent in Port Dickson. The implications of population pressure, environmentally unfriendly tourist conduct, business and operators putting profits above all else, and relatively ineffective institutional planning and enforcement would all conspire to jeopardise the environmental integrity of the Port Dickson coastal ecosystem. To ensure that Port Dickson remains as a sustainable tourist destination in the long run it is imperative that the necessary mitigation measures are taken urgently .

**Keywords:** carrying capacity, coastal ecosystem, ecological integrity, sustainable tourism, tourist facilities, tourism industry

## Pengenalan

Alam sekitar yang mengalami transformasi akibat penggunaan sumbernya oleh manusia seringkali diambil ringan oleh pihak-pihak terbabit tentang kesan-kesannya, terutama sekali dalam jangka masa yang panjang. Dalam keghairahan menyediakan pelbagai kemudahan bagi memenuhi keperluan dan permintaan penduduk oleh pihak berkuasa dan pihak swasta yang mengutamakan keuntungan serta sikap sambil lewa orang awam sebagai pengguna, seringkali kesan langsung dan sampingan ke atas ruang yang diusahakan atau dimajukan telah menimbulkan keimbangan kepada pihak pencinta alam.

Bertitik tolak daripada premis bahawa alam sekitar yang dimanfaatkan oleh penduduk manusia wajar dipulih dan dipelihara, justeru tindakan penilaian dan pemantauan menjadi mandatori ke atas apa yang telah berubah dan diubah. Apakah perubahan kekal alam sekitar yang bakal menjelaskan ekosistem dan apakah sumber yang bakal hilang daripada sesuatu persekitaran serta banyak lagi persoalan berkaitan yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak terlibat. Pada asasnya, idea menyeimbangkan pembangunan dan persekitaran harus dititikberatkan untuk mengelakkan tekanan melampau dan gangguan terhadap ekosistem semula jadi (Butler 1999; Goh & Mariney, 2010; Jamaluddin Jahi, 1999 & 2009).

Industri pelancongan adalah antara agenda pembangunan yang diberi penekanan oleh dunia, termasuk Malaysia, kerana sumbangannya kepada ekonomi negara dan tempatan (Redzuan Othman & Norlida Hanim Mohd Salleh, 2010), di samping mempelopori satu gaya hidup baru yang memberi masa senggang kepada orang ramai supaya berhenti seketika daripada rutin harian yang adakalanya membosankan dan membawa tekanan. Objektif melancong mempunyai implikasi ekonomi, sosial, kekeluargaan, budaya dan sebagainya yang positif yang tidak dinafikan faedahnya bukan sahaja kepada para pelancong tetapi juga kepada operator pelancongan. Pepatah Melayu 'jauh perjalanan, luas pandangan' amat relevan dalam konteks pelancongan. Justeru, jumlah pelancong yang berada di pelbagai pusat peranginan dan resort pelancongan kian bertambah setiap tahun dan memuncak pada masa cuti umum.

Pantai Port Dickson ialah salah sebuah pusat pelancongan popular di Malaysia. Slogan Port Dickson 'Perbandaran pelancongan Terunggul di Malaysia' dan 'Destinati Bandar Pelancongan Popular' (MPPD, 2002) memberi konotasi bahawa Bandar Port Dickson memberi penekanan kepada aspek kebandarannya dalam mempromosikan industri pelancongannya. Walaupun pantainya dikatakan tempat peranginan dan perkelahan terkenal, namun daya tarikan untuk para pelancong berkunjung ke Port Dickson telah dipengaruhi oleh pelbagai faktor bukan sumber semula jadi. Antaranya kemudahan penginapan (hotel dan resort), pengangkutan dan perhubungan, gerai-gerai jualan, pesta dan keramaian yang dianjurkan dan sebagainya. Dalam konteks wajah Port Dickson sebagai 'Bandar Pelancongan', kertas ini cuba meneliti impak industri pelancongan ke atas kualiti persisiran pantai Port Dickson.

## Pembangunan industri pelancongan di Port Dickson

Bandar Port Dickson ialah bandar utama Daerah Port Dickson dengan keluasan 572.63 kilometer persegi. Kedudukannya menghadap Laut Melaka dengan persisiran pantai sepanjang 18 kilometer yang berpanorama menjadikan pantai Port Dickson sebagai tumpuan pelancong. Jalan Pantai sepanjang 22 km yang selari dengan persisiran pantai Port Dickson menghubungkan Port Dickson dengan Seremban dan Melaka.

### *Sejarah awal*

Pada zaman kolonial Inggeris, Port Dickson yang dikenali sebagai Tanjung telah diwartakan sebagai sebuah pelabuhan strategik. Pembinaan jalan kereta api yang menghubungkan Port Dickson dan Seremban (Sungai Ujong) bertujuan untuk mengangkut barang eksport seperti bijih timah ke pelabuhan dan mengangkut barang yang dibawa masuk oleh kapal laut dari Singapura seperti beras, rempah ratus dan lain-lain ke Seremban.

Perkembangan Port Dickson juga boleh dilihat dari segi kependudukan, penubuhan agensi pemerintah dan pelaburan ekonomi dalam pelbagai bidang. Aktiviti pembinaan landasan kereta api

melibatkan pekerja India yang dibawa masuk oleh pihak British sementara perusahaan lombong bijih menarik kemasukan etnik Cina ke Port Dickson dan sekitarnya. Pertambahan penduduk juga boleh dikaitkan dengan perkembangan kegiatan ekonomi seperti pembukaan ladang kopi dan getah di Siliau dan Rantau pada tahun 1901 dan kilang penapis minyak yang didirikan oleh Syarikat Shell Petroleum and Trading dengan keupayaan memperoses 700 tan liter petroleum.

Perkembangan pelabuhan Port Dickson sebagai pintu keluar masuk komoditi perdagangan turut disertai oleh peranannya sebagai tempat beristirahat untuk pegawai dan peladang British. Maksudnya, identiti Port Dickson sebagai pantai peranginan telah bermula sejak era penjajahan. Sesuai dengan kedudukan para pegawai Inggeris yang berstatus tinggi, kemudahan rumah istirahat dan perkhidmatan yang berkaitan disediakan oleh pihak berkuasa Inggeris secara eksklusif.

### *Pembangunan terancang*

Pembangunan tersusun Port Dickson bermula dengan tertubuhnya Majlis Daerah Port Dickson pada tahun 1979 dan kemudiannya dinaikkan taraf kepada Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) pada tahun 2001. Sejak itu, kawasan tadbir majlis telah dibangunkan berdasarkan misi membangunkan Port Dickson sebagai destinasi percutian berkonsepkan mesra pelancong dengan produk kegiatan pelancongan dan aktiviti riadah tepi pantai, menyediakan kemudahan asas dan awam serta memperindahkan persisiran pantai. Selain itu, pembangunan kawasan tempatan diasaskan kepada konsep menghargai aset semula jadi dan suasana kediaman berkualiti (MPPD, 2002). Aspirasi ini selaras dengan tunjang pelancongan lestari yang menekankan kelestarian ekonomi, kelestarian ekologi, kelestarian budaya dan kelestarian komuniti (McKercher, 2003).

Blok perancangan RTPD terbahagi kepada koridor pelancongan (zon 1: Bandar Port Dickson ke Tg. Agas), koridor industri utama (zon 2: di sepanjang lebuhraya Seremban-Port Dickson) dan kawasan pendalaman (zon 3: kawasan pertanian). Semua rancangan pembangunan yang dilaksanakan bertujuan memperkuatkan tarikan Port Dickson sebagai destinasi pelancongan; memperkuatkan ekonomi tempatan dan memperkuatkan struktur pembangunan bagi pusat bandar. Dalam konteks itu, keselesaan dan kesejahteraan penduduk tempatan dan para pelancong ditekankan.

Bagi sektor pelancongan sendiri, rancangan mempertingkatkan sistem pengangkutan dan jalan-jalan sedia ada bertujuan memudahkan mobiliti pelancong ke destinasi pelancongan. Pembangunan di persisir pantai mengambil kira keharmonian alam semula jadi, memelihara alam sekeliling dan memberi tekanan kepada kebersihan dan keindahan kawasan pantai. Pencapaian Bandar Port Dickson sebagai destinasi popular boleh dilihat daripada senario berikut:

- Jumlah pelancong sebanyak 20 ribu hingga 30 ribu pelancong pada hujung minggi dan angka ini mencapai 80 ribu pada cuti umum. Bagi tahun 200, lebih satu juta pelancong menginap di pelbagai hotel Port Dickson. Antara tahun 2000-2015, MPPD menganggarkan jumlah pelancong bertambah sebanyak 10 peratus setahun.
- Pelbagai aktiviti untuk pelancong disediakan yang diselaraskan di bawah perancangan MPPD. Antaranya ialah sukan air, perahu layar, jet ski, berkayak dan sebagainya.
- Pentas terbuka, taman permainan kanak-kanak dan Pusat Penerangan Pelancongan yang dikenali sebagai 'Dataran Seri Kemang' adalah daya tarikan kepada pelbagai lapisan pelancong. Acara keramaian, aktiviti rekreasi dan hiburan seperti Pesta Port Dickson yang dijaya secara berjadual menjadikan Teluk Kemang sesak dengan pengunjung.
- Kemudahan sokongan untuk keperluan pelancong termasuklah kemudahan penginapan oleh lebih 46 buah hotel dan resort untuk pelancong yang mahu bermalam, sistem perhubungan dan pengangkutan yang baik ke Port Dickson dari pelbagai arah, perkhidmatan pengangkutan awam, perkemahan dan sebagainya.
- Tarikan lain: tempat-tempat bersejarah di lokasi sekitar Port Dickson seperti Muzium Lukut, Tanjung Tuan dan Hutan Lipur Pasir Panjang, Jeti Pulau Burung untuk kaki pancing dan sebagainya.

### Ciri pelancong dan pola pelancongan di Port Dickson

Senario di atas adalah sebahagian daripada keadaan sebenar di Port Dickson. Sebahagian lagi senario yang juga menggambarkan industri pelancongan di Port Dickson cuba disingkap berdasarkan para pelancong yang dipilih sebagai responden. Fokus kajian ialah mengenalpasti latar diri pelancong, cara dan bentuk kedatangan mereka ke Port Dickson, sebab melancong ke Port Dickson, aktiviti semasa melancong yang kesemunya mempunyai kaitan dengan isu-isu alam sekitar di persisiran pantai Port Dickson. Sebanyak 195 orang pelancong hujung minggu telah ditemubual. Responden adalah pelancong yang berada di Pantai Teluk Kemang, Pantai Saujana dan Pantai Tanjung Biru.

Selain itu, kajian lapangan juga melibatkan pembancian ke atas kemudahan awam yang terdapat di kawasan kajian. Berdasarkan jumlah kemudahan yang ditunjukkan oleh Jadual 1, Pantai Teluk Kemang mempunyai kelebihan kemudahan berbanding dengan pantai lain.

**Jadual 1. Kemudahan awam di beberapa pantai Port Dickson**

Kemudahan	P. Teluk Kemang	P. Saujana	P. Tanjung Biru
Gerai makanan statik	15	7	
Gerai makanan bukan statik	21	5	4
Gerai pakaian / cenderahati	17	2	-
Tandas /bilik manda	2	1	1
Tong sampah	60	43	15
Telefon awam	13	10	2
Surau	1	1	-
Tempat letak kereta	5	3	1
Taman permainan	1	-	-
Gerai peralatan sukan air	22	4	5
Pentas / tapak pesta	1	-	-
Balai Polis	1	-	-
Pejabat penerangan	1	-	-

### *Ciri-ciri pelancong*

Jadual 2 menunjukkan latar diri pelancong di Port Dickson. Berdasarkan negeri asal mereka, lebih separuh (54.4%) pelancong berasal dari Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur. Nisbah pelancong dari negeri lain seperti Kelantan, Pulau Pinang, Sarawak adalah kurang daripada 8.0 peratus.

**Jadual 2. Latar belakang pelancong di Port Dickson**

Ciri-ciri pelancong	Peratus	Peratus kumulatif
Negeri asal:		
a. Negeri Sembilan	26.2	26.2
b. Selangor	17.4	43.6
c. Kuala Lumpur	10.8	54.4
d. Melaka	07.2	61.6
e. Johor	08.7	70.3
f. Perak	08.2	78.5
g. Lain-lain	21.5	100.0
Umur:		
a. 20 ke bawah	15.4	15.4
b. 21-30	45.6	61.0
c. 31-40	25.2	86.2
d. 41-50	10.7	96.9
e. 51 ke atas	03.1	100.0

Ciri-ciri pelancong	Peratus	Peratus kumulatif
Etnik:		
a. Melayu	82.1	82.1
b. Cina	09.7	91.8
c. India	07.2	99.0
d. Lain-lain	1.0	100.00
Pekerjaan		
a. Pelajar	17.9	17.9
b. kakitangan sokongan	15.9	33.8
c. profesional	23.1	56.9
d. peniaga	16.4	73.3
e. tentera	07.7	81.0
f. suri rumah	07.7	88.7
g. pekerja kilang	07.2	95.9
h. lain-lain	04.1	100.0

Dari segi taburan umur dan etnik, kumpulan terbesar responden ialah mereka yang berumur antara 20-40 tahun dan berketurunan Melayu. Majoriti responden adalah pekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan, kecuali suri rumah dan pelajar. Jelaslah bahawa para pelancong di Port Dickson adalah daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi.

### *Asas-asas melancong*

Tujuan utama pelancong Port Dickson seperti dalam Jadual 3 menunjukkan dua matlamat yang mempunyai konotasi alam sekitar yang menyenangkan, harmoni dan melapangkan dada. Tujuan untuk berehat dan menikmati keindahan alam menggambarkan harapan para pelancong ke atas keadaan semula jadi persisiran Port Dickson yang mempunyai ciri-ciri estetik dan ‘pantai panorama’ menurut MPPD (2002).

**Jadual 3. Asas-asas melancong ke Port Dickson**

Perkara	Peratus	Peratus kumulatif
1. Matlamat utama:		
a. berehat	43.1	43.1
b. tukar angin	06.2	49.3
c. menikmati keindahan alam	25.6	74.9
d. kekeluargaan	21.0	95.9
e. lain-lain	04.1	100.0
2. Pengangkutan:		
a. kenderaan sendiri	88.7	88.7
b. bas awam	08.7	97.4
c. lain-lain	02.6	100.0
3. Bentuk kedatangan:		
a. individu	06.7	06.7
b. berdua/ rakan	31.8	38.5
c. keluarga	48.7	87.2
d. rombongan	12.8	100.0
4. Kekerapan berkunjung ke Port Dickson:		
a. kerap	20.5	20.5
b. kadang-kadang	43.1	63.6
c. jarang	36.4	100.0
5. Tempoh berada di Port Dickson:		
a. kurang 4 jam	52.3	52.3
b. 4-6 jam	18.5	70.8
c. lebih 6 jam	12.3	83.1
d. bermalam	16.9	100.0

Tidak kurang penting ialah matlamat kekeluargaan yang menunjukkan responden mementingkan masa berkualiti bersama keluarga. Di pantai Port Dickson, pelbagai aktiviti yang sesuai untuk semua isirumah boleh dilakukan. Percutian famili bertujuan untuk memantapkan institusi keluarga yang kian digalakkan di Malaysia (Habibah Ahmad 2002).

Majoriti pelancong Port Dickson datang dengan kenderaan sendiri (kereta dan van). Ini bermakna setiap kereta membawa antara 2 hingga 6 orang pelancong (pemandu dan penumpangnya), sementara van membawa sebanyak 9 hingga 12 orang pelancong. Kenderaan awam seperti bas yang disewa khas memuatkan ramai penumpang, iaitu antara 40 hingga 45 orang lazimnya. Berdasarkan pengangkutan yang digunakan pelancong bolehlah dikatakan bahawa kedatangan mereka ke Port Dickson adalah secara terancang yang akan dijelaskan lagi berdasarkan kelengkapan ketika mengunjungi Port Dickson (Jadual 4).

Responden yang berkeluarga mengunjungi Port Dickson dalam bentuk keluarga dan ini merupakan kumpulan terbesar di kalangan responden (48%). Bagi golongan remaja, mereka datang dengan pasangan atau rakan-rakan sebaya. Rombongan pelancong pula adalah kumpulan yang datang dari satu kawasan kejiranan atau satu pejabat yang diselenggarakan oleh seorang penganjur yang bertindak sebagai ketua rombongan. Justeru, pelancongan adalah satu rancangan perjalanan tak formal yang memerlukan perbelanjaan, jadual perjalanan dan ia juga boleh menjadi satu perniagaan kepada mereka yang berkhidmat membawa pelancong melancong.

Selain perlu diselenggarakan sebagai satu rancangan perjalanan, proses pelancongan juga menunjukkan pola tempoh tersendiri. Jadual 3 menunjukkan pelancong Port Dickson kebanyakannya berkunjung pada ulangan yang tidak tetap tetapi ini juga bermakna bahawa mereka melancong ke Port Dickson secara berulang, terutama sekali mereka yang tinggal di negeri-negeri berdekatan. Dari segi tempoh berada di pantai Port Dickson, didapati 52.3 peratus responden menghabiskan masa 4 jam dan kurang. Tempoh tersebut cukup untuk ahli keluarga mandi laut, berkelah dan berehat. Bagi responden yang bermalan, mereka tinggal sama ada di khemah atau di salah sebuah hotel / resort berdekatan.

### *Kelengkapan dan aktiviti pelancong*

Setiap pelancong yang mengunjungi pantai Port Dickson membawa barang kelengkapan yang diperlukan untuk kegunaan ketika berada di pantai. Bekalan makanan yang dimasak dan dibeli serta kelengkapan mandi dan tikar untuk duduk adalah antara perkara utama yang dibawa bersama pelancong. Mereka yang membawa keluarga selalunya menitik beratkan persediaan bagi memastikan keperluan asas anak-anak tersedia dari rumah lagi.

Ketika berada di pantai mereka memilih tempat duduk sama ada di atas pasir pantai atau di bangku/meja yang disediakan oleh MPPD di luar kawasan pukulan ombak yang ditumbuhinya oleh pokok jenis rhu. Pelancong berkelah dengan makanan yang dibawa dari rumah, sama ada yang dimasak sendiri atau dibeli dari kedai seperti biskut dan minuman botol. Selain duduk-duduk, makan dan bersantai, ada juga pelancong yang mandi, bersukan air dan lain-lain (Jadual 4). Faktor berehat adalah aktiviti utama bagi 56.4% responden yang menunjukkan mereka mendapat kerehatan dengan menikmati suasana pantai yang menenangkan.

Bagi golongan remaja dan rakan sebaya pula, mereka lebih menitik beratkan persediaan untuk aktiviti yang hendak dilakukan di pantai. Dengan adanya deretan gerai makanan yang menyediakan pelbagai juadah memudahkan mereka untuk makan di gerai pilihan. Walau bagaimanapun, mereka yang berhemah lebih seronok memasak sendiri makanan di luar khemah mereka, terutamam sekali memasak hasil tangkapan yang mereka perolehi dari laut.

Sehubungan dengan sisa dan sampah seperti plastik dan kertas bungkus yang terhasil setelah responden berkelah dan melakukan pelbagai kegiatan, bagaimana mereka membuang sampah sarap mereka amat menarik untuk diteliti. Perilaku pelancong membuang sampah mempunyai kaitan dengan masalah kebersihan pantai. Kajian ini mendapati majoriti responden membuang sampah mereka ke dalam tong sampah yang berdekatan. Kadar 91.8 peratus boleh dianggap gambaran baik tentang kebiasaan responden menggunakan tong sampah yang disediakan. Di samping itu, terdapat responden yang membawa pulang sampah-sarap mereka. Amalan ini patut digalakkan bagi mengurangkan isipadu sampah di pantai Port Dickson.

**Jadual 4. Kelengkapan dan aktiviti pelancong di Port Dickson**

	Peratus / *ya	% kumulatif /*tidak
1. Kelengkapan melancong:		
a. makanan dari rumah	51.3	48.7
b. makanan beli	48.2	51.8
c. kelengkapan mandi	46.7	53.3
d. kemah	12.3	87.7
e. tikar	40.5	59.5
f. surat khabar	28.7	71.3
g. kelengkapan memasak	06.7	93.3
2. Tempat makan:		
a. gerai makan	11.3	11.3
b. dalam kenderaan	6.7	17.9
c. bangku / meja	25.1	43.1
d. tempat duduk di pasir	56.9	100.0
3. Aktiviti*:		
a. mandi	67.7	32.3
b. sukan air	20.5	79.5
c. jogging	06.2	93.8
d. membeli-belah	09.7	90.3
e. berkhemah	04.6	95.4
f. berehat	56.4	43.6
4. Cara pembungan sampah/ sisa makanan:		
a. guna tong sampah	91.8	91.8
b. biarkan sahaja	04.1	95.9
c. buang ke laut / belukar		
d. bawa pulang	00.5	96.4
	03.6	100.0

Nota: Perkara 1 & 3, tidak berjumlah 100% kerana jawapan responden lebih daripada satu.

Walau bagaimanapun, pemerhatian di lapangan mendapati banyak tong-tong sampah yang tidak penuh tetapi sampah berselirik di sekelilingnya. Bilangan tong sampah memang banyak dan lokasi setiap satu membolehkan pengguna datang dari pelbagai arah (rujuk Jadual 1). Jelaslah bahawa tong sampah yang disediakan tidak digunakan dengan cara betul oleh sebahagian daripada mereka yang mendakwa menggunakan kemudahan berkenaan.

Terdapat segelintir pelancong yang menjadi punca kepada pencemaran pantai kerana meninggalkan sampah mereka di tempat mereka duduk sementara yang lain membuang sampah mereka ke dalam semak dan belukar. Walaupun bilangan mereka amat kecil tetapi tindakan mereka mungkin menyusahkan pelancong lain dan pekerja MPPD yang terpaksa mengumpulkan sampah yang berselirik. Sekiranya tiada pihak yang peduli, akibatnya persekitaran pantai menjadi kotor dan menyakitkan mata.

*Persepsi pelancong tentang alam sekitar / persekitaran*

Persepsi responden terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan kualiti pantai adalah testimoni tentang pantai Port Dickson. Skala daripada memuaskan, sederhana dan tidak memuaskan adalah penilaian subjektif responden berdasarkan apa yang mereka lihat dan alami.

Jadual 5 memperlihatkan persepsi mereka tentang kemudahan dan kebersihan persekitaran pantai Port Dickson. Dari segi kemudahan-kemudahan untuk pengunjung, tong sampah, aktiviti rekreasi dan lot letak kereta yang disediakan adalah 'memuaskan' menurut lebih 40.0 peratus responden. Sementara tempat duduk dan premis membeli-belah dianggap 'sederhana' memuaskan oleh 40.0 peratus dan lebih responden. Sebaliknya kumpulan terbesar responden yang menyatakan 'tidak memuaskan' merujuk kepada kemudahan tandas / surau dan taman kanak-kanak. Antara ciri-ciri kemudahan yang tidak memuaskan termasuklah rosak, lapuk, tidak dibaiki, persekitaran yang tidak selesa dan sebagainya.

**Jadual 5. Persepsi Pelancong terhadap pantai Port Dickson**

Perkara	Memuaskan	Sederhana	Tidak memuaskan
1. Kemudahan:			
a. tempat duduk	35.9	44.1	20.0
b. tong sampah	42.0	32.3	25.7
c. tandas /surau	29.7	31.8	38.5
d. aktiviti rekreasi	42.1	32.8	25.1
e. lot letak kereta	42.6	31.3	26.1
f. taman kanak-kanak	21.5	32.8	45.6
g. membeli-belah	33.3	39.5	27.2
2. Kebersihan:			
a. tandas / surau	26.2	44.6	29.2
b. pantai	30.3	34.9	34.9
c. air laut	45.1	35.9	19.0
d. parit / longkang	10.3	32.3	57.5
e. kesegaran udara	57.9	33.8	08.2
f. gerai makanan	31.8	50.3	17.9
g. penjual makanan	29.2	54.0	15.9
3. Lanskap:			
a. pokok bunga	23.6	34.4	42.1
b. pohon berteduh	56.9	29.7	13.3
4. Keselamatan pengunjung dan harta benda	26.1	44.1	29.7

Aspek kebersihan dilihat dari segi keadaan pantai dan persekitaran. Golongan terbesar responden yang menganggap kebersihan adalah 'memuaskan' merujuk kepada air laut dan kesegaran udara. Kedua-dua faktor adalah sumber pelancongan semula jadi yang terdapat di pantai Port Dickson. Walau bagaimanapun, nilai 'sederhana' sahaja menurut 33-35 peratus responden menunjukkan keadaan yang tidak murni / bersih sepenuhnya di persekitaran responden duduk seperti berdekatan longkang dan longgokan sampah yang dirasakan mencemar udara dan air.

Tandas / surau, gerai makanan dan penjual makanan dianggap 'sederhan bersih' oleh kumpulan terbesar responden. Persepsi ini menunjukkan keadaan gerai-gerai makan dan pelayan yang bertugas sekadar boleh tahan. Tindakan memberi mereka latihan dan kesedaran perlu diambil oleh MPPD dan Jabatan Kesihatan supaya tempat duduk pelanggan, lantai gerai, dapur dan diri mereka yang bertugas berkeadaan bersih, bebas lalat dan teratur sepanjang masa.

Keadaan longkang dilabelkan 'tidak memuaskan' oleh 58.0 peratus responden. Persepsi ini diasaskan kepada keadaan longkang yang pecah dengan air kotor yang disalirkan ke laut. Air berwarna hitam dan bau busuk dari longkang tidak menyenangkan pelancong yang berada berdekatan.

Persepsi responden terhadap landskap persisiran pantai yang dihiasi dengan tanaman bunga-bungaan tidaklah begitu memberangsangkan kerana golongan terbesar responden mengkategorikan 'tidak memuaskan' tentang seni hias taman pantai Port Dickson. Walau bagaimanapun, pohon-pohon rhu yang hidup bertaburan di sepanjang pantai berfungsi untuk memberi keredupan yang memuaskan para pelancong.

*Isu-isu alam sekitar*

Memajukan sektor pelancongan di Port Dickson telah menghasilkan sebuah destinasi pelancongan yang popular. Kedatangan pelancongan bertambah setiap tahun dan jumlah mereka bertambah berlipat kali ganda pada musim cuti umum yang digalakkan lagi oleh agenda pesta dan aktiviti rekreasi di Teluk Kemang. Arah aliran pelancong akan terus meningkat dengan bertambahnya jumlah penduduk di sekitar Port Dickson dan penduduk dari luar. Di samping itu, kempen cuti-cutip Malaysia oleh Kementerian Pelancongan serta sokongan kerajaan pusat umumnya telah secara langsung dan tidak langsung membudayakan pelancongan di kalangan penduduk. Justeru, dalam arah aliran peningkatan jumlah pelancong di Malaysia, Port Dickson akan berterusan menjadi antara destinasi pelancong terkemuka.

Pelbagai kemudahan yang disediakan oleh MPPD bertujuan untuk memberi keselesaan kepada pelancong. Dengan itu, sumber alam semula jadi di persisiran pantai yang menjadi resipi tarikan pelancong dilengkapkan lagi dengan pelbagai keperluan pelancongan.

Pihak swasta juga turut terlibat membangunkan industri pelancongan di Port Dickson menerusi industri perhotelan dan resort kerana pulangan pelaburannya amat lumayan daripada pelancong yang ramai. Dengan itu juga, persisiran pantai Port Dickson tidak lagi sepenuhnya dihampiri oleh pantai pasir memutih, tetapi sebahagiannya digunakan sebagai tapak pembinaan kompleks hotel dan resort pelancongan. Sebahagian hotel dibina terlalu hampir dengan pantai kerana mahukan pantai dihadapannya ekslusif untuk kegunaan pelanggan mereka. Dari segi pelanggan mereka, kedudukan sebegini cukup baik untuk mereka mudah ke pantai, tetapi keadaan semula jadi pantai telah dikorbankan dengan pembinaan kolam mandi dan prasaran lain.

Satu lagi isu yang berkaitan dengan perhotelan / resort ialah sifat kepadatan setiap satu hotel / resort berdasarkan jumlah bilik dan kapasiti pelancong yang boleh menginap. Dengan jumlah bilik antara 100 hingga 500 buah untuk setiap hotel, kepadatan pelancong di pantai Port Dickson menjadi lebih padat dan impaknya ke atas kualiti pantai perlu diteliti dengan lebih lanjut dalam kajian lain tentang apa yang mereka lakukan ketika melancong di Port Dickson.

#### *Kesan perbandaran dan pertumbuhan bandar*

Persoalan yang timbul dalam perancangan pembangunan pelancongan ialah kesan-kesan pembangunan yang secara sedar atau sebaliknya ke atas persisiran pantai Port Dickson. Menurut Kadaruddin Ayub (1998) kemerosotan kualiti air pantai rekreasi dikesan berpunca daripada aktiviti pembangunan tanah dan aktiviti bandar..

Pembangunan Bandar Port Dickson dan perbandarannya yang pesat menghasilkan sisa pepejal dan cecair yang perlu diselenggarakan. Kehadirian longkang di Pantai Teluk Kemang dan Pantai Saujana yang mencemarkan kedua-dua pantai adalah saluran yang berpunca dari kawasan kediaman dan perniagaan di Bandar Port Dickson yang kian berkembang. Walaupun longkang berkenaan perlu dihalakan ke laut, tetapi bahan kekotoran dan pencemaran yang disalirkan ke laut itu mengancam kesihatan pelancong yang mandi-manda di kawasan berdekatan. Pada masa ini, pihak MPPD sedang menjalankan projek memansang paip yang membawa jauh sisa bandar ke tengah laut untuk mengelakkan pencemaran dipersisiran pantai. Namun, perlu diamalkan rawatan ke atas bahan sisa tersebut sebelum dilepaskan ke laut.

Jelaslah bahawa sektor pelancongan di persisiran pantai seperti di Port Dickson sukar untuk mempertahankan kemurnian semula jadinya apabila pembangunan sektor itu digandingkan dengan pembangunan bandar. Dari satu segi, ia mampu menggalakkan kedatangan pelancongan dengan pelbagai kemudahan yang dibangunkan, tetapi sukar untuk mengawal jumlah pelancong supaya tidak melepas had optimum agar tidak mendatangkan tekanan kepada persekitaran. Selain pelancong sendiri, bandar seperti Port Dickson tiada pilihan menyalurkan sisa buangan melainkan ke laut. Idealnya lokasi pelancongan berasaskan alam semula jadi haruslah terpisah daripada petempatan bandar.

#### *Daya tampung*

Dalam keghairahan menjadikan Port Dickson sebagai destinasi pelancong, jumlah pelancong yang berkunjung ke Port Dickson boleh menjadi isu tekanan ke atas alam sekitar. Sama seperti mana-mana ruang yang digunakan secara berlebihan akan menyebabkan daya tampong kawasan yang rendah, dan seterusnya menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar (Butler 1999, Jamaluddin Jahi 2009). Terlalu ramai pengunjung hanya menjadi tekanan kepada keadaan persekitaran. Pantai Teluk Kemang adalah contoh pantai di Port Dickson yang ramai pengunjungnya dan ketika jumlah pelancong memuncak ketika cuti awam, berlaku pelancongan berlebihan. Tanda-tanda pelancongan berlebihan ialah kesesakan manusia dan kenderaan, sampah sarap yang bertaburan, keadaan tandas dan kawasan sekeliling yang kotor. Kesan jumlah pelancong yang bersesakan ialah sukar untuk mengekalkan kebersihan, apalagi dengan sikap ‘tidak peduli’ mereka.

Keadaan menjadi lebih serius semasa adanya penganjuran pesta, aktiviti rekreasi dan perayaan tertentu yang biasanya bertempat di tapak pesta di pantai Teluk Kemang. Jumlah pengunjung bukan

saaja begitu ramai, malah tempoh pelancong berada di pantai Port Dickson berlarutan hingga lewat malam. Dalam suasana begini, jumlah peniaga bertambah dan sampah sarap bertimbun. Di samping itu, kemudahan-kemudahan yang disediakan tidak mampu untuk menampung keperluan pengguna dan malah terdedah kepada kerosakan oleh penggunaan yang ramai dan mereka yang tidak bertanggung jawab.

Dalam konteks ini, kerja-kerja penyelenggaran dan pembersihan kawasan menjadi bertambah berat kepada pekerja, mengambil lebih masa, tenaga dan perlatan dan tambahan ulangan pengankutan untuk membereskan kerja pembersihan. Namun, jadual atau rutin kerja yang rigid diamalkan oleh pekerja menyebabkan sampah di pantai hanya dikumpul dan diangkut dengan lori pada masa tertentu.

#### *Isu pentadbiran dan penguatkuasaan*

Pesisiran pantai Port Dickson terletak dalam sempadan Majlis Bandaran Port Dickson yang ditadbirkan oleh MPPD. Sehubungan itu, rancangan menyediakan pelbagai prasarana dan kemudahan pelancong, penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan adalah antara tanggongjawab MPPD dalam usaha melahirkan Bandar Pelancongan Popular.

Berhubung dengan pembinaan hotel dan resort di kawasan pantai, kesemuanya adalah mengikut peraturan yang dipersetujui oleh MPPD. MPPD sebenarnya menggalakkan penyertaan swasta dalam menyediakan kemudahan penginapan berkualiti kerana permintaannya tinggi, terutama daripada pelancong asing. Tambahan pula setiap pengusaha hotel bertanggung jawab menyelenggarakan premis masing-masing dan mereka mempunyai keupayaan dari segi tenaga kerja untuk mengurus dan menjaga premis dan persekitaran masing-masing. Justeru, kawasan di dalam premis perhotelan dan resort adalah di luar bidang kuasa kendalian MPPD.

Dari segi membenarkan peniaga bergerak untuk bermula, MPPD memang meletakkan syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh para peniaga, terutama sekali dari segi kebersihan premis, barang dan persekitaran. Tempat bermula juga ditetapkan untuk memudahkan pelanggan. Di Pantai Teluk Kemang, senario peniaga gerai bergerak yang bermula di kawasan pasir pantai bukan lagi perkara asing (kurang 20-30 meter dari laut). Kehadiran pelbagai gerai tersebut telah mengubah pandangan pasir pantai yang biasanya menjadi ruang hanya untuk pelancong duduk dan menjalankan pelbagai aktiviti riadah, bersukan dan sebagainya. Risikonya ialah kertas dan plastik bungkus yang mudah dibuang di merata-rata jika pelanggan tidak peka dengan penjagaan alam sekitar. Tambahan pula tong-tong sampah tidak ditempatkan di atas pasir pantai.

Kajian ini telah cuba mendapat maklumat tentang kedudukan mereka dan dimaklumi bahawa MPPD sebenarnya tidak membenarkan gerai-gerai beroperasi di kawasan tersebut dan seharusnya lebih 50 meter dari laut. Namun, para peniaga nampaknya selesa bermula tanpa gangguan dari pihak berkuasa di lokasi yang begitu hampir dengan pelanggan yang ramai di pantai. Kajian ini difahamkan ada pihak penguatkuasa yang membuat operasi menghalau peniaga berkenaan tetapi mereka degil dan terus bermula bila tidak ada pegawai penguatkuasa.

Satu lagi perkara yang menjadi isu ialah longgokan kayu dan sampah sarap yang dihanyutkan ke pantai oleh ombak (Nor Aziah Othman 2003). Semasa monsun, masalah longgokan ini lebih ketara. Hal ini berlaku secara semulajadi yang perlu diselenggarakan oleh pihak berkuasa untuk menjaga kebersihan pantai. Selain batang-batan dan ranting kayu mati, antara yang terlonggok itu ialah barang buangan seperti botol plastik, tayar, tin-tin dan lain-lain yang dibuang ke laut oleh penduduk pantai dan pelancong. Sehubungan itu, daya usaha untuk menangani masalah bahan hanyutan yang terlonggok di pantai secara tuntas dan konsisten untuk mengelakkan pantai kotor dan tidak memberi keselesaan kepada pengunjung.

Satu lagi isu berkaitan kawasan pantai sempadan MPPD dan Majlis Daerah Alor Gajah (Melaka), berdekatan pantai Tanjung Biru dan pantai Tanjung Tuan. Kawasan sempadan seperti ini sering terabai kerana tidak ada persefahaman antara kedua-dua PBT. Akibatnya timbunan longgokan sedemikian bertambah dari masa ke semasa dan terbiar begitu lama. Kajian difahamkan ada pihak bukan pekerja PBT mengambil tindakan membakar sahaja longgokan tersebut. Sehubungan itu, perlu ada persefahaman dan kerjasama antara kedua-dua PBT dalam menangani isu alam sekitar yang tidak mengenal sempadan. Perlantikan syarikat swasta untuk menguruskan sisa pepejal Negeri Sembilan dan Melaka diharapkan dapat menangani isu ini dengan lebih berkesan.

### *Sikap pelancong*

Isu alam sekitar sangat berkait rapat dengan sikap pelancong. Alam sekitar yang tidak disentuh manusia mempunyai sistemnya sendiri untuk mengekalkan ciri-ciri semulajadi alam. Tetapi, apabila sumbernya digunakan oleh manusia, sudah tentu banyak perubahan yang berlaku. Masalahnya ialah penggunaan berlebihan sehingga mendarangkan tekanan melampau pasti mendarangkan kesan negatif ke atas alam sekitar. Dalam konteks sikap pelancong yang tidak menghargai dan mencintai alam, masalah alam sekitar tidak dapat dielakkan.

Berhubung dengan masalah ini, penduduk awam keseluruhannya perlu diberi pendidikan menghargai dan menjaga anugerah yang Maha Berkuaasa. Isu ini bukan perkara baru kerana banyak usaha kempen telah dijalankan oleh pelbagai pihak dan dalam sistem pendidikan negara pun telah menerapkan pendidikan alam sekitar. Persolannya, keberkesanan pendidikan itu belum lagi jelas kerana sikap pelancong di pantai Port Dickson masih lagi mengecewakan. Menurut Sulong dan Kadir (2001), sikap pelancong yang bertanggungjawab dan bersifat aktivitis alam sekitar sahaja yang boleh menjamin pelancongan mapan. Sehubungan itu, masyarakat awam perlu didedahkan kepada pendidikan alam sekitar supaya mempunyai kesedaran dan bertindak menjaga alam sekitar (Mohmadisa Hashim & Mohd Suhaily Yusri Che Ngah, 2005), selain perlunya tindakan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan (Butler, 1999; Jamaluddin Jahi, 2009).

### *Pengusaha hotel, peniaga dan tanggung jawab sosial*

Perindustrian pelancong di Port Dickson memang telah memberi peluang kepada sektor perhotelan mengaut keuntungan daripada para pelancong yang mahu bermalan di Port Dickson. Telah dinyatakan di atas bahawa pengusaha hotel dan resort berkeupayaan menjaga kawasan yang dimiliki tetapi para peniaga perlu dipantau kegiatan dan prestasi kegiatan mereka.

Para peniaga menawarkan pelabagai barang dan makanan yang diperlukan oleh pelancung semasa berada di pantai Port Dickson atau cendera hati untuk dibawa pulang. Selain masalah peniaga yang degil dan ingkar mengikuti peraturan seperti di pantai Teluk Kemang, kerjasama antara sesama peniaga juga penting untuk memastikan mereka sama-sama menjaga kebersihan. Satu gerai yang bersih tidak akan terjamin kualitinya kalau gerainya bersebelahan dengan gerai yang kotor dan berbau. Mereka bukan sahaja harus peka tetapi juga disokong oleh jumlah pekerja yang mencukupi dan juga peka untuk mengendalikan perniagaan, kebersihan premis perniagaan dan persekitaran. Dalam konteks ini, kajian mendapati peniaga-peniaga makanan di pantai Tanjung Biru bermuafakat antara mereka dan petugas membersih sampah untuk menjaga keadaan kebersihan pantai. Kesannya pantai berkenaan lebih bersih dan menyenangkan berbanding yang lain.

## **Kesimpulan**

Alam sekitar dan pelancongan adalah aset negara. Pembangunan industri pelancongan berdasarkan alam semula jadi banyak risikonya dan dengan itu pembangunan mapan yang menjadi agenda utama hari ini perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh.

Port Dickson yang menjadi destinasi pelancongan popular adalah hasil memajukan Bandar Port Dickson sendiri yang tidak jauh kedudukannya dari persisiran pantai yang menjadi nadi industri pelancongnya. Kemajuan dalam menyediakan kemudahan pelancong telah memudahkan dan merangsang kedatangan pelancong yang digandingkan dengan tarikan pantainya. Justeru, dakwaan MPPD Port Dickson sebagai 'bandar pelancongan' dilihat sebagai menggunakan aset pantainya sebagai salah satu entiti dalam pakej pelancongan yang disediakan.

Dalam konteks itu, perubahan kepada alam sekitar tidak dapat dielakkan tetapi perlu dipastikan kerosakan yang berlaku adalah minimum selain meneruskan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang berkesan. Mereka yang terlibat dalam rancangan pembangunan kawasan, para pelancong sebagai pengguna, kakitangan sokongan yang melaksanakan kerja-kerja di kawasan pelancongan, pihak penguatkuasa dan lain-lain pihak adalah faktor utama dan pihak berkepentingan yang menentukan kualiti alam sekitar. Sesungguhnya, amat sukar untuk mencapai titik keseimbangan yang diharapkan, melainkan mempraktikan pelancongan lestari oleh semua pihak berkaitan.

## Rujukan

- Butler Richard W (1999) Sustainable tourism: A state-of-the-art review. *Tourism Geographies. An International Journal of Tourism Space, Place and Environment* **1** (1), 7-25.
- Goh Hong Ching, Mariney Mohd Yusoff (2010) Sustaining tourism development in protected areas. A case of Kinabalu Park. *International Journal of Trade, Economics and Finance* **1** (2), 179-183.
- Fatimah Hassan, Fauziah Che Leh (2010) Pembangunan lestari di Felda Gugusan Trolak: Satu analisis.
- Habibah Ahmad (2002) Peranan percutian famili ke arah pembentukan keluarga bahagia. *Prosiding SKIM 8 'Pembangunan Manusia di Indonesia dan Malaysia'*. 8-10 Oktober. UKM, Bangi.
- Jamaluddin Md Jahi (1999) Pembangunan dan persekitaran: Di mana keseimbangannya? In: Katiman et al. (eds) *Prosidang Seminar Kebangsaan 'Alam, Manusia dan Pembangunan di Malaysia'*. 19 Jun. Anjuran Persatuan Geografi Malaysia dan Jabatan Geografi, UKM, Bangi.
- Jamaluddin Md Jahi (2009) Pembangunan pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management* **10** (2), 71-88.
- Kadaruddin Ayub (1998) Impak pembangunan di zon pinggir pantai terhadap kualiti air pantai rekreasi. In: Halim Ali et al. (eds) *Prosiding Seminar Kebangsaan Perancangan dan Penggunaan dalam Era Globalisasi*, pp. 337-350. 8-9 Jun. Anjuran Fakulti Sains Pembangunan, UKM, Bangi.
- McKercher B (2003) Sustainable tourism development – Guiding principles for planning and management. Paper presented at The National Seminar on Sustainable Development. Bishek, Kyrgystan. 5-9 November.
- Mohmadisa Hashim, Mohd Suhaily Yusri Che Ngah (2005) *Pembangunan dan alam sekitar di Malaysia..* Penerbit Universiti Sultan Idris, Tanjong Malim.
- MPPD (2002) *Port Dickson - Perbandaran pelancongan terunggul di Malaysia.* Keluaran Khas Sambutan Perayaan Pengisytiharaan Majlis Perbandaran Port Dickson 02-02-02.
- Nor Aziah Othman (2003) Timbunan sampah cemar keindahan pantai. *Berita Harian*. 12 Jun.
- Redzuan Othman, Norlida Hanim Mohd. Salleh (2010) Hubungan pembangunan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi di beberapa Negara ASEAN utama. *IJMS* **17** (1), 171-188.
- Sulong Mohamad, Kadir Arifin (2001) Responsible tourism and environmental behaviour of the local tourist at Port Dickson. In: Jamaluddin Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor (eds) *Proceedings of National Seminar on Environmental management 2001: Current Development and Future Planning.* pp. 295-301.